

## ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN SULTAN JOHOR

# Sultan Ibrahim

# kemegahan Bangsa Johor

Miliki perwatakan cukup tersendiri, terbuka dan mudah didekati rakyat

TAda yang lain sendang dirinya yang memiliki perwatakan cukup tersendiri selaku pemerintah jajaan takluk Johor Darul Takzim iaitu Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Sifat baginda yang cukup terbuka dan mudah didekati hampir empat juta rakyat di negeri ini, gemar membuat kejutan turun ke daerah-daerah, malah setiap jejaknya dikemas kini di laman sosial.

Penglibatan baginda bermula sejak masih bergelar Tunku Mahkota Johor (TMJ) menerusi penganjuran cemasannya iaitu Kembara Mahkota Johor (KMJ) pada 2001 dan amalan itu sedikit pun tidak terjejas meskipun kini bergelar Sultan Johor sejak dimasyhurkan 23 Januari 2010.

Sultan Ibrahim diputerakan pada 22 November 1958 di Hospital Besar Johor Bahru (kini Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru) merupakan putera sulung daripada 10 beradik.

Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Temenggong Abdul Rahman (1) Johor Bahru sebelum ke Trinity Grammar School Australia (1968-1970), selain turut menerima pendidikan menengah di Kolej Sultan Abu Bakar dan pendidikan agama di Sekolah Agama Air Molek, di sini.

Sebaik menamatkan pendidikan formal, baginda melanjutkan latihan asas ketenteraan selama tiga tahun di Pusat Latihan Tentera Darat (Pulada), Kota Tinggi.



Sultan Ibrahim menyampaikan cenderamata kepada peserta dari Austria sambil diperlihatkan oleh Abdul Ghani Othman sempena majlis perasmian Festival Layang-Layang Sedunia ke-18 di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada 23 Februari 2013.



Baginda meluangkan masa menikmati sarapan bersama rakyat.

### Sultan serba boleh

Sultan Ibrahim gemarkan sukan polo selain tenis, luncur layu, payung terjun, menembak dan memandu kereta laju.

Baginda mendapat pendidikan dalam bidang ketenteraan menerusi Kursus Asas Pegawai-Pegawai Infantri dan Udara serta pasukan khas di Fort Benning dan Fort Bragg Amerika Syarikat. Kemudian dilantik sebagai Komandan Askar Timbalan Setua Negeri, yang turut menerima kursus latihan helikopter di Kem Tentera Kluang, selain menjalani latihan dua bulan bersama Tentera Laut Diraja Malaysia.

Pengetahuan dan pengalaman Tuanku Ibrahim dalam bidang ketenteraan melayakkan baginda dilantik sebagai Kolonel Komandan Rejimen Gerak Khas Angkatan Tentera Malaysia.

Minat dengan aktiviti mencabar jelas diperlihatkan dengan penganjuran KMJ yang

pada awalnya dimulakan dengan Kembara Bermotosikal pada 2001-2006; 2008 dan 2010-2014.

Dikuti Jelajah Pulau pada 2004 dan 2007; Jelajah ke Perkampungan Orang Asli pada 2005; Jelajah Pedalaman 2009; Kembara Berkereta Api 2010 dan menggunakan tiga jenis kenderaan iaitu bermotosikal, pacuan empat roda dan bot pada 2011.

Menerusi penganjuran KMJ 2015 menyaksikan Sultan Johor melawat 10 daerah di Johor, menunggang Harley Davidson dengan Jalur Harimau Selatan, dan penampilan sulung bas Prevost Marathon.

Selain berkemahiran membawa helikopter, baginda juga adalah kerabat Diraja yang memiliki Lesen Kelas 26 yang melayakkan baginda memandu kereta api yang diperolehnya



Sultan Ibrahim beramah mesra dengan seorang murid di Kampung Sungai Tempayan ketika Kembara Mahkota Johor di Batu Pahat.



SULTAN IBRAHIM

pada KMJ 2010 dan dikitarf dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR) sebagai Sultan pertama memandu kereta api dengan pencapaian melakukan pusingan lokomotif seberat 86 tan menggunakan alat *tan table*

### Perkasa kedaulatan Raja

Tanggal 23 Mac mencatatkan sejarah tersendiri buat Sultan Ibrahim dan baginda berkenan menjadikan tarikh tersebut sebagai Hari Kelepasan Am Negeri Johor berkuat kuasa tahun lalu.

Tarikh baharu cuti umum untuk Johor menjadi cuti sambutan Hari Keputeraan baginda yang sebelum ini disambut pada setiap 22 November.

Bermula tahun ini dan berikutnya, tarikh 22 November tidak lagi disyorkan sebagai Hari Kelepasan Am Negeri Johor dan tiada sebarang sambutan.

Umum ketahui, 23 Mac 2015 merupakan istiadat kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim yang

menjadi acara amat dinantikan segenap lapisan rakyat Johor yang mahu melihat tradisi kemahkotaan sejak kali terakhir dipersembahkan 56 tahun lepas pada 10 Februari 1960.

Yang Dipertua Jemaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli berkata, mengikut peraturan undang-undang negeri Johor, Sultan Johor dipilih, dilantik dan dimasyhurkan sebagai raja menggantikan Almarhum raja yang mangkat.

Istiadat ini disusuli bakal raja akan mengangkat sumpah dan dimasyhurkan oleh Menteri Besar sebelum keranda diraja diusung dengan jalur Harimau Selatan, yang mana ia mengesahkan pelantikan raja sebagai Raja Johor yang boleh diadakan pada bila-bila masa yang Sultan kehendaknya selepas baginda naik takhta, bertujuan memperkaskan kedaulatan Raja.

Majlis penuh gemilang melalui

sembilan istiadat berlainan tetapi berkaitan, yang akan bermula lapan hari sebelum upacara kemahkotaan menampilkan adunan tiga kebudayaan iaitu budaya Melayu, Islam dan Barat.

Ia bermula dengan istiadat meletak kerja, majlis tahlil dan doa kesyukuran, siram tabal di Panca Persada di Bukit Bintang pekarangan istana besar, istiadat kemahkotaan dan jamuan diraja, majlis kurniaan darjah dan pingat, jamuan negeri di Persada, istiadat pertukaran panji-panji askar Timbalan Setia Negeri dan keberangkatan ke daerah-daerah dijangka berakhir 28 April.

Istiadat yang disaksikan secara langsung menerusi kaca televisyen dan laman web itu merupakan upacara kemahkotaan yang keempat dilakukan Sultan Johor dalam era moden, di mana buat pertama kalinya, gelaran rasmi Permaisuri Johor pertama kali digunakan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah.

Kedegaran laungan 'Daulat Tuanku', dan Sultan Ibrahim serta Raja Zarith Sofiah muncul di Anjung Istana bagi berangkat ke perarakan di sekitar bandar raya menggunakan kereta Mercedes-Benz 600 melibatkan perjalanan sejauh 8.5 kilometer dari Istana Besar ke Istana Bukit Serene.

### Johor kehilangan

Keakraban institusi Diraja Johor dengan rakyat dibaratkan berpisah tiada, di mana setiap kali penganjuran KMJ diketuai Sultan Ibrahim, akan diiringi permaisuri bersama lima putera dan puteri.

Rombongan Diraja itu turut melibatkan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail bersama isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam; Tunku Puteri, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah; Tunku Temenggong Iskandar Ismail Abdul Rahman Johor; Tunku Laksamana Johor (Almarhum)



Sultan Johor, Sultan Ibrahim beramah mesra dengan ahli gabungan NGO pada Majlis Sarapan Pagi Sultan Bersama Gabungan NGO di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada 2013.

## ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN SULTAN JOHOR

Kali terakhir istiadat Kemahkotaan Sultan Johor diadakan pada 10 Februari 1960 di Istana Besar Johor Bahru.



Tunku Abdul Jalil Iskandar Ibrahim; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Hassanali Jeffri dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Mahmood Iskandar Ibrahim.

Keluarga Diraja Johor dan seluruh rakyat di negeri ini menerima perkhabaran duka pada 5 Disember lalu mengenai kemangkatan Tunku Abdul Jalil kira-kira jam 7.11 malam di Hospital Sultanah Aminah (HSA) akibat penyakit kanser.



Raja Zarith Sofiah menyampaikan alat bantu jalan kepada salah seorang penerima bantuan sambil diperlihatkan oleh Tunku Idris Sultan Ibrahim dan Syed Hussien Alahsabee pada majlis Program Tanggungjawab Sosial Halfst 2013 Bersama CIMB Islamic dan PBSM di Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru.

Putera berusia 25 tahun itu disahkan menghidap kanser hati tahap empat yang dikesan sejak 20 Ogos 2014 dan telah beberapa kali menjalani rawatan di dalam serta luar negara dan melakukan pemindahan hati di Hospital Pakar Guangzhou, China pada Disember 2014.

Tunku Abdul Jalil, 25, yang dikenali sebagai TJ dilahirkan pada 5 Julai 1990 berkelulusan zoologi dari sebuah universiti di United Kingdom dan pernah bekerja di Zoo Singapura selama setahun dan Zoo London selama dua tahun.

Beliau turut mencatatkan sejarah tersendiri apabila menjadi kerabat Diraja Johor yang menyertai Polis Diraja Malaysia dan telah dipakainya pangkat Inspektur.

Selepas disahkan menghidap kanser, Tunku Abdul Jalil menubuhkan Yayasan Kanser Tunku Laksamana bagi membantu pesakit kanser tidak berkemampuan.

### Kisah sorotan dunia

Apa sahaja yang dilakukan Sultan Ibrahim dan keluarga Diraja



Sultan Ibrahim memotong kek bentuk trak sempena hari keputeraan baginda sambil diperlihatkan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin (kanan) dan Presiden Johore Corporation, Datuk Kamaruzzaman Abu Kasim (dua, kiri) pada tahun lalu.

Johor ini sering mencuri perhatian rakyatnya, malah menjadi tarikan masyarakat di serata dunia.

Medium laman sosial khususnya di Facebook dan Instagram yang memaparkan aktiviti keluarga diraja ini menjadi platform hubungan dua hala institusi Diraja Johor dengan rakyat.

Pembelian aset seperti trak 'Mack' iaitu trak termahal di dunia dibuat dengan ciri eksklusif, antaranya dihiasi dengan benang emas dan pembelian pesawat 'emas' Boeing 737 baru-baru ini menjadi tatapan dunia.

Malah sisi jenaka baginda bersama anakandanya, selain aksi spontan bersarapan di gerai di serata daerah di negeri ini yang turut dimuat naik di Facebook, juga mencuri hati pengikut medium sosial itu.

Keprihatinan Sultan Johor terhadap rakyatnya menjadi keutamaan menerusi pembelian CT Scan buat pesakit kanser, suntikan dana RM1 juta bagi memantapkan pembangunan bola sepak negeri dan pelbagai lagi.



Sultan Ibrahim bersama Raja Zarith Sofiah dan puteri baginda, Tunku Aminah serta pemimpin kerajaan negeri mengaminkan doa selamat pada Majlis Pelepasan Kembara Mahkota Johor 2013 di Menara Aqabah, Pasir Gudang.